

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 David memberitahukan perkara itu _____ gurunya.
(A)dan (B)atau (C)kepada (D)dari
- 2 Para peserta menulis nama mereka _____ kertas itu.
(A)dan (B)atau (C)pada (D)laksana
- 3 Perdana menteri berucap _____ masalah ekonomi negara.
(A)akibat (B)tentang (C)ketika (D)demikian
- 4 Pasangan pengantin itu _____ pinang dibelah dua.
(A)seperti (B)sejak (C)umpama (D)demikian
- 5 Encik Ibrahim menyewa rumah itu _____ dua tahun yang lalu.
(A)dimana (B)ketika (C)darimana (D)sejak
- 6 Kami sangat benci _____ sikapnya yang suka berpura-pura itu.
(A)akan (B>walaupun (C)ketika (D)atau
- 7 Terdapat sedikit perbezaan _____ kereta buatan Jepun dengan Taiwan.
(A)hingga (B)oleh (C)dalam (D)antara
- 8 Merokok bukan sahaja membazirkan wang bahkan juga _____ kesihatan.
(A)membahayakan (B)menunjukkan (C)memberitahukan (D)membantu
- 9 Walaupun Encik Zikri kaya raya _____ beliau tidak pernah bersikap sombong.
(A)sekiranya (B)namun (C)manakala (D)setelah
- 10 Taiwan adalah tempat _____ yang harus kamu kunjungi, kerana banyak tempat-tempat bagus.
(A)pelancongan (B)penumpang (C)pemandu (D)perayaan
- 11 Semua penumpang dilarang _____ di dalam kapal terbang.
(A)membaca buku (B)merokok (C)tidur-tiduran (D)menyanyi
- 12 Buah itu belum **matang**, tentu rasanya masam dan kesat. Erti **berlawanan** kata **matang** adalah _____.
(A)melewat (B)mentah (C)mentua (D)padam
- 13 _____ itu diminati kerana kelunakan suaranya apabila beliau mendendangkan lagu.
(A)Penari (B)Pelawak (C)Penyair (D)Penyanyi

- 14 “ _____ yang melakukan kesalahan, bukan saya,” kata lelaki itu sambil menunjuk ke arah Ah Hong.
(A) Saya (B) Dia (C) Kami (D) mereka
- 15 Murid-murid di dalam kelas itu mengutamakan kebersihan. _____ ingin belajar dalam suasana yang ceria.
(A) Mereka (B) Kita (C) Kalian (D) Kamu
- 16 _____ saya menetap di Taiwan, saya pernah bekerja di Malaysia.
(A) Setelah (B) Sebelum (C) Selepas (D) Sementara
- 17 Makanan yang Cik Yati jual di pasar malam itu sungguh **laris**. Erti **laris** adalah _____.
(A) habis (B) laku (C) lazat (D) terkenal
- 18 _____ harga sekilogram buah rambutan ini?
(A) Dimanakah (B) Bilakah (C) Berapakah (D) Adakah
- 19 _____ caranya kamu mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan?
(A) Bilakah (B) Berapakah (C) Siapakah (D) Bagaimanakah
- 20 Para tetamu diminta duduk di _____ tempat yang masih kosong.
(A) apa-apa (B) mana (C) sebelum (D) sesiapa
- 21 Pendaki yang hilang semasa mendaki Gunung Yang Ming Shan telah _____ di kawasan hutan tebal di kaki bukit.
(A) diduduki (B) didatangi (C) dijumpai (D) dipasangi
- 22 Siti Nurhaliza terpesona melihat sepasang burung merak yang _____ di Taipei Zoo.
(A) sedih (B) kecewa (C) cantik (D) hampa
- 23 Oleh sebab hujan lebat, _____ perlawanan bola itu terpaksa dibatalkan.
(A) atau (B) serta (C) melainkan (D) maka
- 24 Semua pendatang tanpa izin _____ dihantar ke negara asal mereka pada bulan depan.
(A) telah (B) masih (C) belum (D) akan
- 25 Setiap pagi jalan raya sesak kerana orang ramai menuju ke tempat kerja _____.
(A) sendiri (B) beribu-ribu (C) tiap-tiap (D) masing-masing
- 26 _____ menetap di kawasan perumahan itu, belum pernah terjadi kejadian buruk di kawasan itu.
(A) Sementara (B) Selama (C) Selagi (D) Apabila
- 27 _____ banyak bermain daripada belajar, dia telah gagal dalam peperiksaan akhir semester baru-baru ini.
(A) Lantaran (B) Jika (C) Oleh (D) Meskipun
- 28 Penyanyi itu _____ ke pentas lalu menyanyikan sebuah lagu.
(A) timbul (B) terbit (C) muncul (D) tampil
- 29 Pihak polis terpaksa menggunakan gas pemedih mata untuk _____ para penunjuk perasaan itu.
(A) meredakan (B) menamatkan (C) menyuraikan (D) menghalau

- 30 Emak membubuh beberapa _____ daun pandan ke dalam air gula lalu memasaknya.
(A)tangkai (B)helai (C)rumpun (D)jambak
- 31 Ayah menghadahi emak se _____ kalung berlian serta se _____ anting-anting.
(A)untai...pasang (B)jambak...biji (C)butir...pasang (D)potong...butir
- 32 Bangunan baru yang dibina itu tidaklah _____ Menara Taipei 101 yang merupakan binaan tertinggi di Taiwan.
(A)secantik (B)seperti (C)setinggi (D)sebesar
- 33 Pegawai yang **angkuh** itu telah diberi amaran oleh ketua pejabatnya supaya lebih bersopan ketika berurusan dengan orang ramai. Erti kata **angkuh** adalah _____.
(A)jahat (B)bengis (C)bongkak (D)malas
- 34 Katanya dia akan datang pada _____ ini tetapi hingga _____ pun dia belum tiba.
(A>waktu...sekarang (B)petang...pagi (C)tempat...disini (D)malam...jauh
- 35 Seorang pemimpin yang berkaliber perlulah mempunyai sikap yang _____ agar nasib rakyat terbela.
(A)hartawan (B)tertawan (C)gunawan (D)belanjawan
- 36 “Taiwan merupakan negara Asia yang paling menarik!” kata Menteri Pelancongan Taiwan kepada para _____ di majlis pembukaan Pesta Tahun Melancong Taiwan.
(A)wartawan (B)seniman (C)pustakawan (D)jutawan
- 37 Setiap _____ diwajibkan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terdapat di sekolah.
(A)kertas (B)kepala (C)pelajar (D)usahawan
- 38 _____ bertanggung jawab untuk mempersiapkan siswa menjadi warga negara yang baik.
(A)Pelajar (B)Wartawan (C)Cendekiawan (D)Guru
- 39 Dia adalah pemimpin yang amanah, jujur dan tegas, _____ masih saja ada orang yang ingin menjatuhkannya.
(A)meskipun demikian (B)kalau begitu (C)sebab itu (D)dengan demikian
- 40 Abang sering bermain bola. _____, Iman lebih suka belajar di rumah.
(A)Sesampai itu (B)Sehingga (C)Sebaliknya (D)Seharusnya
- 41 Dia tidak ada banyak teman _____ kebiasaannya berbohong.
(A)setidaknya (B)kecuali (C)akibat (D)kalau
- 42 Dia bertolak ke sekolah dengan menggunakan kereta, _____, adiknya berjalan kaki.
(A)jikalau begitu (B)bahkan begitu (C)sebenarnya (D)sementara itu
- 43 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam proses memohon kepada kerajaan untuk _____ bangunan bersejarah ini diisytihar sebagai _____.
(A)mengutamakan...penjara negara (B)mengumumkan...kubur negara
(C)mencarikan...bangunan negara (D)menjadikan...warisan negara

- 44 Pameran Pelancongan dan Kebudayaan yang _____ di Hualien dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan Taiwan.
- (A)berlangsung (B)berenang (C)belum sampai (D)disampaikan
- 45 Jika mahu berjaya dalam hidup kita harus teruskan usaha, perbaiki _____ dan sentiasa merendah diri dalam apa jua keadaan.
- (A)kelemahan (B)kelebihan (C)perjuangan (D)kehebatan
- 46 Dia seorang yang _____ berusaha kerana dia sanggup berlatih bersendirian selepas tamat _____.
- (A)malas...waktu kerja (B)rajin...waktu latihan
(C)berjuang...waktu rehat (D)tidak...waktu belajar
- 47 Semua pelajar _____ berada dalam keadaan selamat selepas _____ berukuran 6.5 pada skala Richter menggegarkan Yilan, Taiwan.
- (A)dikhabarkan...banjir (B)diakibatkan...tsunami
(C)disebabkan...angin taufan (D)dilaporkan...gempa bumi
- 48 _____ alam yang indah membuat kita lupa akan hiruk pikuk kehidupan di bandar.
- (A)Pembahagian (B)Perbaikan (C)Pemandangan (D)Pengalaman
- 49 Pihak berkuasa harus berganding bahu, “_____”, dan melakukan tindakan yang sepatutnya untuk memastikan semua pelajar mematuhi peraturan sekolah.
- (A)bagai aur dengan tebing (B)seperti anjing dengan kucing
(C)hutang budi dibawa mati (D)ada gula ada semut
- 50 Semangat kejiranan penting kerana dapat membentuk semangat kekitaan dan melahirkan _____ yang bersatu padu.
- (A)masyarakat (B)isyarat (C)alam sekitar (D)ketidakadilan
- 51 Sektor pelancongan _____ peranan yang penting terhadap perkembangan ekonomi negara.
- (A)menaiki (B)bermain (C)menaikkan (D)memainkan
- 52 Dengan _____ kemudahan pengangkutan yang baik, pelancong mudah untuk bergerak ke destinasi yang diingini. Hal ini demikian akan _____ kedatangan pelancong asing.
- (A)menyediakan...menggalakkan (B)mempersiapkan...menghantar
(C)menyiapkan...menolak (D)menarik...mendukung
- 53 Sektor pertanian negara _____ bertambah maju dengan perhatian khusus yang telah diberi oleh pihak-pihak yang berkenaan.
- (A)semakin (B)tidak akan (C)tidak mungkin (D)naik

- 54 Masyarakat dunia mula sedar akan kepentingan pemakanan halal. _____, Taiwan perlu mengambil peluang untuk memajukan produk halal ini dengan potensinya yang amat tinggi.
- (A)Jangan-jangan (B)Setidak-tidaknya
(C)Oleh hal yang demikian (D)Sekurang-kurangnya
- 55 Harga barang-barang kawalan seperti ayam, daging, gula dan sebagainya tidak boleh dinaikkan dengan _____ tanpa _____ kerajaan.
- (A)sekurang-kurangnya...pembatasan (B)sesuka hati...permintaan
(C)sewenang-wenangnya...persetujuan (D)secara tidak langsung...pengertian
- 56 Gotong royong adalah mengerjakan suatu kegiatan bersama menurut kemampuan masing-masing secara _____.
- (A)tidak sedar diri (B)tidak sengaja (C)hati-hati (D)sukarela
- 57 Walaupun mempunyai permintaan produk halal yang _____ dan pasaran _____, namun setakat ini tidak ada perjanjian perdagangan diwujudkan antara negara-negara bukan Islam.
- (A)luas...lebar (B)tinggi...meluas (C)panjang...pendek (D)tinggi...singkat
- 58 Pemimpin perlu tegas dengan _____ tindakan undang-undang terhadap mana-mana pegawainya yang terlibat dengan rasuah, salahguna kuasa atau masalah disiplin.
- (A)memberikan (B)memastikan (C)mengambil (D)mendapat
- 59 Pertambahan penduduk dan kuasa beli yang tinggi _____ bilangan kereta di jalan raya _____.
- (A)menyebabkan...meningkat (B)menjadikan...kurang
(C)menarik...perhatian (D)mendorong...kejauhan
- 60 Mereka yang disebut _____ pada abad ke-21 bukanlah orang yang tidak tahu membaca dan menulis, namun mereka yang tidak tahu belajar dengan cara yang betul.
- (A)masuk angin (B)buta huruf (C)buta mata (D)mata terbuka
- 61 Kalau kamu berputus asa sekarang tanpa mencuba sampai saat yang terakhir, kamu memang bersikap _____.
- (A)bagai api dengan asap (B)hangat-hangat tahi ayam
(C)cakar ayam (D)ada rotan ada duri
- 62 “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing,” adalah semangat yang harus kita pupuk sejak kecil lagi. Peribahasa ini bermaksud _____.
- (A)belajarlah sungguh-sungguh jangan tanggung-tanggung
(B)makin berilmu tidak sombong
(C)sebaik-baik negeri orang tidak sebaik di negeri sendiri
(D)bersama-sama dalam suka dan duka, baik buruk sama-sama ditanggung

- 63 Selepas bertahun-tahun mengambil peperiksaan, akhirnya dia berjaya menjadi pemandu pelancong yang berlayak. Semangat ini seakan-akan _____.
- (A)seorang makan cempedak, semua kena getahnya
(B)ada asap, ada api
(C)sehari selembat benang, setahun selembat kain
(D)sepandai-pandai tupai melompat, sekali waktu jatuh juga
- 64 Langkah-langkah keselamatan juga perlu diambil bagi _____ kepuasan dan kesejahteraan pelancong semasa berada di negara kita.
- (A)melebihi (B)menjamin (C)menjauhi (D)mendekati
- 65 _____ 20 pelajar, guru dan guru besar daripada 10 sekolah rendah dan menengah di daerah ini menerima sijil anugerah cemerlang.
- (A)Setingginya (B)Seramai (C)Sesampainya (D)Seharusnya
- 66 Ramai pelancong _____ negara kita sebagai destinasi pelancongan.
- (A)memilih (B)menerima (C)mengambil (D)mendapat
- 67 Sikap _____ rakyat negara kita yang tidak mesra terhadap pelancong turut menjejaskan industri pelancongan negara kita.
- (A)semua (B)seluruh (C)segala (D)sesetengah
- 68 Walaupun terdapat pelbagai isu yang menggugat industri pelancongan di negara kita, tetapi kita _____ untuk menangani isu berkenaan.
- (A)tidak sengaja (B)belum sempat (C)masih terlambat (D)masih belum terlambat
- 69 Pihak berkuasa harus melipatgandakan usaha untuk menyedarkan _____ agar lebih bertanggungjawab dan beretika semasa di jalan raya.
- (A)orang ramai (B)penjahat (C)penyayang (D)peniaga
- 70 Ibu bapa adalah individu yang _____ terhadap anak-anak.
- (A)bersendirian (B)bersukan (C)berpengaruh (D)berpengalaman

Haikal, John dan Leong bersahabat baik semenjak kecil lagi. Mereka hidup sekampung dan bersekolah di sekolah yang sama. Ketiga-tiganya murid Tahun Enam. Mereka sentiasa berlumba-lumba dalam pelajaran. Masing-masing ingin menduduki tempat teratas dalam kelas. Di dalam kelas mereka, John muncul pelajar terbaik bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, manakala Leong mendapat markah tertinggi bagi Bahasa Inggeris. Haikal pula mendapat 100 peratus dalam Matematik. Guru kelas mereka sungguh bangga dengan pencapaian ketiga-tiga muridnya yang juga menjadi **anak emas** sekolah mereka itu.

Walaupun mereka saling berlumba dalam pelajaran, mereka tidak bermusuhan antara satu sama lain. Malah, mereka saling membantu dalam menghadapi apa juga keadaan. Mereka belajar bersama-sama, bermain bersama-sama dan jika timbul masalah, mereka akan cuba menyelesaikannya secara muafakat.

Di kampung, mereka terkenal sebagai budak-budak yang **ringan tulang**. Orang kampung juga sangat suka kepada mereka kerana mereka juga **ringan mulut**. Mereka rajin menolong ibu bapa dan juga sentiasa bersedia membantu orang kampung. Apabila berselisih dengan orang lain, mereka tidak pernah **masam muka**, sebaliknya menegur orang itu dengan ramah.

- 71 Perkataan **berlumba-lumba** dalam petikan di atas bermaksud _____.
- (A)berlawan (B)bersaing (C)beriringan (D)berkejar-kejaran
- 72 Antara berikut, manakah pernyataan yang **salah**?
- (A)Haikal mendapat markah penuh dalam Matematik.
(B)John mendapat markah tertinggi dalam Bahasa Melayu.
(C)Leong mendapat markah penuh dalam Bahasa Inggeris.
(D)Mereka saling berlumba-lumba dalam pelajaran.
- 73 Semua perkara di bawah dilakukan oleh tiga sahabat itu bersama-sama, **kecuali** _____.
- (A)bermain (B)belajar
(C)Menolong ibu bapa (D)Menyelesaikan masalah
- 74 Semua simpulan bahasa yang terdapat dalam petikan di atas membawa maksud yang baik, **kecuali** _____.
- (A)anak emas (B)ringan tulang (C)ringan mulut (D)masam muka
- 75 Perkataan **ringan tulang** dalam petikan di atas bermaksud _____.
- (A)rajin bekerja (B)suka menolong (C)suka menegur (D)rajin berkelahi

Industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang semakin berkembang **pesat** di negara kita. Perkembangan pesat sektor pelancongan di negara kita turut mendatangkan pelbagai kesan kepada budaya tempatan, baik kesan positif mahupun kesan negatif.

Kesan positif pelancongan terhadap budaya tempatan ialah industri pelancongan dapat membantu dalam memupuk persefahaman antara masyarakat. Melalui pelancongan, kita berpeluang berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong asing. Selain itu, industri pelancongan juga dapat memperkaya budaya negara kita. Budaya dan amalan yang baik dalam kalangan pelancong asing patut dicontohi dan diamalkan oleh rakyat kita. Pelancong asing yang mementingkan kebersihan alam sekitar juga harus dicontohi. Jadi, rakyat kita akan mengekalkan kebersihan alam sekitar demi menggalakkan kedatangan pelancong asing. Pendek kata, pelancongan memang dapat memperkaya budaya kita.

Kesan negatif pelancongan ialah kedatangan pelancong mampu menghakis nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat tempatan. Senario ini akan berlaku disebabkan pelancong asing mempunyai pemikiran dan sikap yang berbeza dengan masyarakat tempatan. Selanjutnya, kes-kes jenayah akan meningkat akibat daripada

kedatangan pelancong asing. Hal ini demikian kerana pusat hiburan dan pusat membeli-belah akan dibuka dengan banyak demi menjayakan sektor pelancongan. Dengan adanya pusat hiburan seperti karaoke, disko dan pub akan menyumbang kes-kes jenayah.

Kesimpulannya, sektor pelancongan mampu menyebabkan negara kita berkembang dengan pesat, tetapi sektor tersebut turut meninggalkan pengaruh yang besar kepada budaya tempatan. Jadi, semua pihak harus bekerjasama untuk mencegah kesan negatif yang dibawa oleh pelancong asing. Dengan ini **diharapkan** sektor pelancongan dapat dimajukan dan hanya meninggalkan kesan positif kepada masyarakat tempatan.

- 76 Industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang semakin berkembang **pesat** di negara kita. Erti bagi **pesat** adalah _____.
- (A)tinggi (B)panjang (C)merah (D)cepat
- 77 Berikut adalah kesan positif kedatangan pelancong asing, **kecuali** :
- (A)Membantu dalam memupuk persefahaman antara masyarakat.
- (B)Masyarakat tempatan dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong asing.
- (C)Masyarakat tempatan dapat mengekalkan kebersihan alam sekitar.
- (D)Masyarakat tempatan mendapat banyak wang dari pelancong asing.
- 78 Mengapa kedatangan pelancong mungkin akan menghakis nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat tempatan?
- (A)Pelancong asing mempunyai lebih banyak wang untuk diberikan kepada masyarakat tempatan.
- (B)Pelancong asing memiliki pemikiran dan sikap yang tidak sama dengan masyarakat tempatan.
- (C)Pelancong asing mendatangkan rezeki yang banyak.
- (D)Kebanyakan pelancong asing mempunyai sikap yang buruk.
- 79 Kedatangan pelancong asing juga membawa kesan negatif kepada masyarakat tempatan, **kecuali** _____.
- (A)kes-kes jenayah meningkat
- (B)menghakis nilai-nilai murni masyarakat tempatan
- (C)pusat hiburan yang semakin banyak menyumbang kes-kes jenayah.
- (D)membangunkan sektor pelancongan masyarakat tempatan
- 80 Dengan ini **diharapkan** sektor pelancongan dapat dimajukan dan hanya meninggalkan kesan positif kepada masyarakat tempatan. Erti bagi **diharapkan** adalah _____.
- (A)berjenis-jenis (B)semoga (C)selamat (D)bermacam-macam

測驗式試題標準答案

考試名稱：106年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員（馬來語）

科目名稱：外國語（馬來語）（試題代號：4413）

單選題數：80題

單選每題配分：1.25分

複選題數：

複選每題配分：

標準答案：

題號	第1題	第2題	第3題	第4題	第5題	第6題	第7題	第8題	第9題	第10題
答案	C	C	B	A	D	A	D	A	B	A

題號	第11題	第12題	第13題	第14題	第15題	第16題	第17題	第18題	第19題	第20題
答案	B	B	D	B	A	B	B	C	D	B

題號	第21題	第22題	第23題	第24題	第25題	第26題	第27題	第28題	第29題	第30題
答案	C	C	D	D	D	B	A	D	C	B

題號	第31題	第32題	第33題	第34題	第35題	第36題	第37題	第38題	第39題	第40題
答案	A	C	C	A	C	A	C	D	A	C

題號	第41題	第42題	第43題	第44題	第45題	第46題	第47題	第48題	第49題	第50題
答案	C	D	D	A	A	B	D	C	A	A

題號	第51題	第52題	第53題	第54題	第55題	第56題	第57題	第58題	第59題	第60題
答案	D	A	A	C	C	D	B	C	A	B

題號	第61題	第62題	第63題	第64題	第65題	第66題	第67題	第68題	第69題	第70題
答案	B	D	C	B	B	A	D	D	A	C

題號	第71題	第72題	第73題	第74題	第75題	第76題	第77題	第78題	第79題	第80題
答案	B	C	C	D	A	D	D	B	D	B

題號	第81題	第82題	第83題	第84題	第85題	第86題	第87題	第88題	第89題	第90題
答案										

題號	第91題	第92題	第93題	第94題	第95題	第96題	第97題	第98題	第99題	第100題
答案										

備註：